

Lindungi data elak penipuan dalam talian

BUKAN sehari dua kita dengar orang ramai ditipu dalam talian, namun angka rasmi menunjukkan isu ini sudah menjadi beban besar kepada masyarakat.

Setakat sehingga September 2025 sahaja, sebanyak 47,854 kes penipuan dalam talian direkodkan dengan kerugian mencecah RM1.919 bilion.

Apabila kita bercakap tentang *scam*, ramai terus membayangkan wang yang hilang. Namun realitinya, ia semakin rapat dengan isu privasi dan keselamatan data.

Wang biasanya hilang selepas *scammer* berjaya mendapatkan akses kepada maklumat peribadi atau akaun penting.

Jika kita menerima mesej atau panggilan yang mencurigakan, perkara paling penting ialah jangan panik.

Ini kerana *scammer* mahu kita membuat keputusan dalam masa beberapa minit. Ambil masa untuk semak melalui saluran rasmi. Hubungi nombor yang kita cari sendiri, bukan nombor yang diberi dalam mesej.

Ingat, harus semak melalui aplikasi rasmi, bukan pautan yang dihantar. Jika kita sudah terlepas

berkongsi maklumat atau akaun seperti sedang diambil alih, mulakan dengan mengunci emel utama.

Langkah utama adalah dengan menukar kata laluan.

Kemudian, aktifkan pengesahan dua faktor. Ambil masa menyemak peranti yang sedang log masuk dan keluar daripada sesi yang tidak dikenali. Selepas itu barulah urus akaun lain yang berkait, termasuk akaun kewangan dan media sosial.

Kita mungkin tidak dapat mengawal semua perkara, termasuk kemungkinan kebocoran data di luar sana. Namun boleh menguatkan pertahanan yang paling dekat dengan kita, iaitu tabiat harian.

Kata laluan yang lebih baik, pengesahan dua faktor, kemas kini telefon, kawalan kebenaran aplikasi dan pendidikan privasi dalam keluarga ialah langkah asas yang nampak kecil tetapi besar kesannya.

Dalam dunia yang semakin bergantung pada telefon, privasi bukan isu teknikal semata-mata sebaliknya menjadi masalah keselamatan diri dan keluarga.

Langkah mencegah jenayah ini bermula dengan diri sendiri melalui disiplin mudah untuk buat setiap hari. Walaupun nampak mudah tetapi dapat menyelamatkan anda daripada penipuan siber.



Jika kita menerima mesej atau panggilan yang mencurigakan, perkara paling penting ialah jangan panik. Scammer mahu kita membuat keputusan dalam masa beberapa minit.”